



---

---

7 November 2019

---

**Hon. Kasthuri Patto of Malaysia posed a question in parliament on November 7, 2019**

Tuan Pengerusi, dua lagi butiran yang ingin saya bangkitkan di sini. Satu adalah 030100 – Perancangan Dasar. Saya ingin tahu sekiranya ada rancangan daripada kementerian untuk menandatangani dan meratifikasi konvensyen-konvensyen antarabangsa, adakah dengan izin, tiga konvensyen yang penting ini yang berkaitan dengan *ocean* ataupun perikanan di negara kita dengan izin, *FAO port states measure agencies*, *IMO Cape Town Agreement* dan juga *ILO convention on work and in fisheries*.

Memandangkan negara Malaysia sebuah negara pengeksport ikan dan kami ada perairan yang agak - jajaran persisiran pantai yang agak panjang di Semenanjung Malaysia dan juga Sabah dan Sarawak, maka negara Malaysia, *we are exposed*, terdedah kepada ancaman-ancaman dan juga pelbagai jenis pencemaran alam dengan menggunakan tongkang-tongkang yang sudah lama.

Setakat ini, tiada garis-garis panduan. Akan tetapi *Parliamentarians for Global Action* (PGA) sekarang ini wujud satu *treaty* ataupun beberapa konvensyen yang boleh digunakan oleh Malaysia. Sekiranya Malaysia meratifikasi konvensyen-konvensyen ini, maka kita ada satu platform untuk bersuara untuk nelayan-nelayan kita, untuk menjaga alam sekitar dan juga untuk memastikan tiada ikan yang dibeli atau jual secara haram. Sekian, terima kasih.